

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**PRA PELANCARAN “SMART CARD” KELUARGA  
PELADANG (*Peladang –i*)**

**DAN**

**“COUNT DOWN” HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN  
KEBANGSAAN (HPPNK)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR, MENARA LPP**

**10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

**YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
TIMBALAN MENTERI I**

**YANG BERHORMAT DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH  
TIMBALAN MENTERI II**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI  
MAKANAN (MAFI)**

**YANG BERBAHAGIA DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD  
TKSU(P), MAFI**

**YANG BERUSAHA PUAN AZAH HANIM BINTI AHMAD  
TKSU (DASAR), MAFI**

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
PENGKERUSI LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)**

**YANG BERBAHAGIA DATO' AZULITA BINTI SALIM  
KETUA PENGARAH LPP**

**PUAN KHADIJAH BINTI ISKANDAR  
PENANGGUNG TUGAS PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
AGROBANK**

**PENGERUSI-PENGERUSI AGENSI DAN KETUA-KETUA JABATAN/  
AGENSI DI BAWAH MAFI**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN MAFI**

**PEMIMPIN-PEMIMPIN PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN**

**SETERUSNYA RAKAN-RAKAN MEDIA**

**TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN HADIRIN YANG DIHORMATI  
SEKALIAN**

1. Pertamanya, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir dalam **Majlis Pra Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang (Peladang – i) dan count down penganjuran Hari**

**Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)** bagi tahun 2021 yang akan disambut pada 21 hingga 23 Disember nanti.

2. Saya juga rakan syabas dan tahniah kepada **Jawatankuasa Induk Majlis ini khususnya Pengurusan Tertinggi MAFI dan urusetia majlis serta Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)** selaku penganjur dan tuan rumah majlis kita pada petang ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

3. Pemodenan sektor pertanian menjadi teras utama dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) yang telah dilancarkan baru-baru ini. Selain itu, **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) juga telah mengenal pasti pertanian pintar sebagai salah satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi** yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara. Sepanjang tempoh RMKe-12, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memberi tumpuan kepada pemodenan sektor agromakanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara.
4. Antara contoh teknologi moden dan pertanian pintar yang telah dan sedang dilaksanakan di negara kita adalah seperti **pengurusan ladang secara pintar (*Smart Farming*), aplikasi *Internet of Things (IoT)*, *Big Data*, *Blockchain*, *Artificial Intelligence (AI)*, *Machine Learning*, Pertanian Tepat (*Precision Farming*), penggunaan dron di kawasan jelapang padi, Tanaman Menegak (*Vertical Farming*), Kaedah Kultur Tisu (*Tissue Culture*) dan Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI).**
5. Bagi aplikasi IoT telah mula dilaksanakan di bawah RMKe-12 seperti **menaik taraf sistem pengairan kepada pengairan pintar menggunakan IoT serta inisiatif *Narrow Band Internet of Things (NB-IoT)*** bagi pemantauan persekitaran, pengairan dan kelembapan tanah di bawah struktur lindungan hujan.
6. **Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan inisiatif dalam menerajui sektor pertanian dan industri makanan ke arah *Fourth Industrial Revolution (IR4.0)* selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang menerapkan ciri - ciri pemodenan dalam revolusi pertanian termasuk dalam bidang perbankan yang melibatkan ahli peladang.**
7. Dalam hal ini, **LPP dengan kerjasama strategik bersama Agrobank memperkenalkan Smart Card Keluarga Peladang atau singkatannya (*Peladang- i*)** yang merupakan Kad Pintar yang menggabungkan pelbagai fungsi dan kelebihan dalam satu kad *Co-Brand Agrobank Debit Card*. Inisiatif ini juga merupakan salah satu

dari 3 pencapaian utama dalam **Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM)** yang telah dipilih oleh MAFI, antara lainnya menyasarkan perlindungan takaful diberikan kepada 2 ribu peladang dalam tempoh 100 hari yang pertama.

8. **Kad Pintar** yang diperkenalkan ini merupakan **kad identiti keahlian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)** di seluruh negara bagi memudahkan transaksi pembayaran tanpa tunai dalam urusan ahli dengan semua operasi perniagaan Pertubuhan Peladang.
9. Pada masa yang sama, melalui pemilikan **Kad Pintar** ini juga, ahli peladang juga akan diberi perlindungan **Takaful Kasih Plus** sehingga 5 ribu ringgit atas musibah yang berlaku dengan sumbangan ahli seminima hanya lima ringgit sahaja setahun.
10. Skim ini selaras dengan sokongan dan galakan **Kerajaan melalui Bajet 2022 yang memperuntukkan sebanyak 5 juta ringgit supaya semua ahli PPK seluruh Malaysia diberi perlindungan takaful di bawah Skim Perlindungan Takaful Kad Pintar.**
11. Melangkah ke hadapan, seperti yang pernah saya umumkan sebelum ini, Agrobank **sedang berusaha keras dalam mewujudkan Skim Takaful Agromakanan yang pertama di Malaysia bagi industri pertanian dan agromakanan** untuk membantu golongan sasaran yang ditimpa sebarang musibah sama ada bencana, serangan penyakit dan ketidaktentuan cuaca yang menyebabkan pengurangan hasil pengeluaran serta menjejaskan pendapatan mereka.
12. Tambahan pula, dengan keistimewaan dan kemudahan yang tersedia dari **Kad Pintar** ini, kita yakin ia **mampu menarik minat golongan muda yang berumur 18 tahun ke atas untuk menjadi ahli peladang di kawasan masing-masing dan seterusnya mendapat perlindungan kewangan** melalui Takaful Kasih Plus yang saya sebutkan tadi sehingga usia mereka 70 tahun.
13. Saya percaya inisiatif ini akan terus memperkasa dan melonjakkan penggunaan teknologi digital dalam kalangan ahli peladang ke arah era digitalisasi di samping mencapai matlamat MAFI dalam menerajui industri pertanian negara ke arah IR 4.0. **Kerajaan menjangkakan seramai lebih 920 ribu ahli peladang akan berpeluang menikmati manfaat dan kemudahan Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i) ini.**

14. Di samping itu, **penggunaan Kad Pintar oleh semua ahli peladang akan memudahkan Kerajaan dalam mengakses maklumat golongan sasar untuk menyampaikan pelbagai bentuk bantuan, subsidi dan insentif.**
15. Manakala data dan maklumat keahlian yang ada termasuk pendapatan, lokaliti dan identiti peladang **juga dapat memudahkan Kerajaan menyediakan dasar-dasar yang lebih holistik bagi golongan masyarakat Peladang khususnya. petani, penternak dan nelayan.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

16. Di kesempatan ini, saya ingin menyentuh secara ringkas berkaitan persediaan kita untuk **menyambut Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan (HPPNK) bagi tahun 2021 pada 21 hingga 23 Disember 2021 di *World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL)*.**
17. **HPPNK merupakan *signature event* MAFI yang diadakan secara dwi tahunan bertujuan merakamkan penghargaan Kerajaan atas sumbangan para peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara yang menjadi pengeluar utama makanan di negara kita.**
18. Untuk tujuan itu, hari ini 10 November 2021 **merupakan ‘*countdown*’ atau kiraan 40 hari menjelang HPPNK 2021.** Suka saya sebut di sini, Temanya ialah “**Terima Kasih Keluarga Agro**”. HPPNK kali ini akan memenuhi norma baharu dan berkonsepkan **edutainment**.
19. Saya difahamkan pelbagai acara telah disusun, bermula dengan sesi **Malam Anugerah Perdana Keluarga Agro Malaysia 2021, Sembang Santai bersama selebriti dan Hero Agro, Forum Perdana Agro, Seminar Agro 4.0 bersama pakar pemasaran digital, Dapur Peladangnya Peringkat Kebangsaan** dan lain-lain.
20. Antara yang menjadi tarikan HPPNK tahun ini juga ialah **segmen Mega Agro Sales (MAS)** yang akan menampilkan **200 usahawan dengan lebih 2 ribu *Stock Keeping Unit (SKU)* produk yang boleh dibeli secara dalam talian (*e-commerce*) tanpa henti sepanjang tempoh program.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

21. Mengakhiri ucapan, besarlah harapan saya agar kerjasama yang terjalin dan program-program MAFI yang diatur seumpama ini dapat diteruskan supaya **pelaksanaan DAN 2.0 berupaya menjadi enzim**

**memodenan sektor agromakanan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan golongan sasar dan ekonomi negara.**

22. Sekali lagi, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Lembaga Pertubuhan Peladang selaku penganjur majlis dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis kita pada hari ini.
23. Akhir kata, semoga komitmen dan momentum ini akan berterusan dan matlamat **MAFI untuk mentransformasikan sektor agromakanan kepada sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi mencapai objektif dan berjaya dilaksanakan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan negara.**
24. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **Pra Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang (*Peladang –i*) Dan Count Down Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) Bagi Tahun 2021.**

Sekian, terima kasih.